

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 20, 2019 4:00 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Menelusuri Perjalanan Sasterawan Negara Ke-13



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

20 MAC 2019 / 13 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MENELUSURI PERJALANAN SASTERAWAN NEGARA KE-13



UUM ONLINE:

Sedikit manis tertumpah di lantai
Seekor semut pun sampai
Beberapa detik lagi
Bertambah ramai menghampiri
Lama-kelamaan
Beratus-ratus berderetan
Berduyun berbarisan
Aku melihat dan merasa hairan
Tanpa suara dan tanpa kata

semut memanggil kawan-kawan
Bila tercium makanan
Memang telah kupelajari
Haiwan juga berkomunikasi
Sedang aku leka
Terdengar semut berkata
"janganlah lupa semut cuma haiwan
Sekadar tahu menyampaikan berita
Yang benar sahaja
Tidak secanggih manusia
Kerana manusia adalah makhluk Tuhan
Yang memiliki kepandaian
Untuk mereka-reka cerita
Dan menyebarkan dusta"

Sasterawan Negara, Dato' Dr. Zurinah Hassan

Acap kali puisinya yang suka bercerita mengimbau nostalgia, sarat kata-kata hikmah tersusun indah dalam menyampaikan mesej yang cukup bermakna menyuntik keinsafan, menyebabkan kita tersentak lalu bermuhasabah.

"Lihat semut, apabila mendapat makanan dia panggil kawan-kawan, tetapi kalau manusia dapat harta, untuk dia seorang saja. Semut sentiasa bercakap benar tetapi manusia suka berbohong, fitnah dan menyebarkan perkara yang tidak benar," ujarnya dalam program Karyawan Tamu bersama Sasterawan Negara, Dato' Dr. Zurinah Hassan, semalam.

Jelasnya, walaupun tajuk puisi yang diciptakan bukan manusia, seperti Semut dan Bunga Di Kolam tetapi isinya menceritakan perihal manusia.

Dalam majlis anjuran Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) di Dewan Seminar UUM CAS, beliau menceritakan perjalanan dan penglibatannya dalam dunia penulisan sastera.

Bukan mudah untuk menjadi seorang penulis wanita pada awal tahun 1960-an, namun pemilik nama pena Haniruz ini berjiwa besar dan sentiasa positif.

"Zaman dulu susah, pakai mesin taip, berapa bulan nak siap. Bukan semua ada mesin taip..hanya ada di balai polis dan kalau menulis sajak hendak pos pun susah kerana pejabat pos jauh, tidak ada dalam kampung untuk ke sana. Kena naik bukit turun bukit baru jumpa pejabat pos.

"Pada waktu malam, menulis dan membaca pula hanya pakai pelita. Adakalanya, api menyambar rambut sampai jadi warna kuning. Begitulah susahnya dahulu. Pelajar sekarang perlu insaf betapa senangnya untuk belajar kerana zaman kami dulu nak dapat cahaya lampu bukan main susah," luah anak kelahiran Tikam Batu, Kedah.

Ujarnya, zaman sudah berubah dan maju dengan kecanggihan teknologi dan komputer yang menjadikan semuanya semakin senang. Justeru, sepatutnya karya yang dihasilkan perlu lebih hebat kerana memiliki banyak sumber rujukan dan perpustakaan.

"Masa kecil-kecil dulu, Tahun Enam kena berhenti sekolah untuk jaga adik. Orang perempuan tak boleh cakap, tak boleh suarkan pendapat. Orang tua larang. Tak baik katanya. Semua itu menyebabkan saya berasa sedih, dan dari situ bermulalah saya menulis puisi, pantun dan syair bagi meluahkan perasaan yang terbuku.

“Saya nak rekod apa yang terjadi pada zaman saya, malah saya cucu pertama yang dibolehkan untuk pergi sekolah menengah,” tambahnya.

Almarhum Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah merupakan sumber inspirasinya sejak kecil ketika belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma, Alor Setar.

“Cikgu meminta para pelajar menulis sajak dan kebetulan suatu hari Almarhum Tuanku Sultan melawat sekolah dan dalam banyak-banyak sajak, Almarhum Tuanku berkenan membaca sajak saya lantas berasa kagum dan memuji karya yang dihasilkan. Apa lagi..saya terus jadi bahan usikan kawan-kawan. Sejak itu saya berasa seronok untuk menulis, seolah-olah mendapat semangat baru

“Saya juga hantar karya pantun dan syair ke radio dan pernah disiarkan di radio. Itulah permulaannya. Walaupun penyair bercakap mengenai perkara yang pelbagai tetapi apa yang diceritakan berkaitan dengan manusia,” luahnya.

Wanita pertama ini diberi penghormatan menerima Anugerah Sasterawan Negara Ke-13 yang disampaikan Menteri Pendidikan pada 2016 berdasarkan kecemerlangan dan sumbangan dalam pengembangan sastera, impak dalam penyebaran ilmu di peringkat kebangsaan dan global serta pengiktirafan yang diterima.

Beliau turut menyampaikan puisi Bunga Di Kolam yang sungguh puitis berbunyi:

Kita sepatutnya belajar
Dari bunga-bunga di kolam
Yang tidak pernah tenggelam.

Kita sepatutnya belajar
Dari kembang teratai
Yang berlumpur di tangkai
Namun tetap terjulang
Dalam warna cemerlang

Kita sepatutnya belajar
Dari kuntum seroja
Yang tumbuh di kasar selut
Dengan kelopak putih lembut

Arus tak selalu tenteram
Sungai tak selalu jernih
Mari belajar dari bunga-bunga di kolam
Untuk mengapung dan bersih

Puisi ini mengajak kita tetap memelihara integriti yang membawa pengertian kejujuran dan bermaruah selari dengan insan dan ihsan.

Menurut beliau, integriti menjadi komponen penting dalam teori sastera yang mengutamakan nilai kejujuran dan kebaikan kepada masyarakat. Penciptaan puisi Melayu turut berlandaskan nilai-nilai Islam yang mengajar kejujuran, mencipta dengan niat yang baik untuk mendapat keredhaan-Nya dan memperbaiki keadaan manusia.

Melihat jenayah pembunuhan yang kerap berlaku dewasa ini, beliau hairan bagaimana hati manusia boleh jadi sekeras itu. Dalam nada berseloroh, beliau berpendapat mungkin mereka tidak mempelajari dan mendalami ilmu sastera yang penuh kelembutan dan nilai murni.

Pada majlis sama, Penolong Naib Canselor UUM CAS, Prof. Dr. Huda Ibrahim menyampaikan watakah Karyawan Tamu UUM kepada beliau dan disaksikan Dekan SLCP, Prof. Dr. Shukri Ahmad.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.